



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN
Sports, Co-curricular and Arts Division
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Ministry of Education Malaysia
Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.600-4/1/1 Jld. **31 (36)**
Tarikh : **30** Oktober 2024

Pengurus Besar (Komunikasi Korporat & Promosi)
Sin Chew Berhad Corporation
19, Jalan Semangat
46200 Petaling Jaya
Selangor

Tuan,

PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID BAGI KUIZ ONLINE SIN CHEW KE-23 BAGI SEKOLAH MENENGAH TAHUN 2024

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan tahniah atas usaha pihak penganjur kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **Kuiz Online Sin Chew Ke-23 Bagi Sekolah Menengah Tahun 2024** yang dilaksanakan pada **14 September 2024**.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menerima serta meneliti laporan pelibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Pelibatan I dan Pencapaian Peringkat Kebangsaan**. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan penglibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak penganjur perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran A**.

4. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama pemenang dan peserta yang terlibat kepada Jabatan Pendidikan Negeri. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Encik Muhammad Sanjay bin Paramarie** di talian **03-8872 1763** atau e-mel **muhammad.sanjay@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(ITHNIN BIN MAHADI)

Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN
PENGLIBATAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID DALAM
PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM
(PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

JENIS PENGLIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PENGLIBATAN I	Murid yang didaftarkan sebagai atlet/peserta perkhemahan/ kejohanan/ kursus/karnival/program pertandingan
PENGLIBATAN II	Pelibatan murid dalam aktiviti seperti: <ul style="list-style-type: none"> - Jawatankuasa pelaksana - Petugas Teknikal - Persembahan selingan
PENGLIBATAN III	Pelibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya

SKOR PENGLIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Penglibatan I	Penglibatan II	Penglibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

SKOR PENCAPAIAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
		Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
TAHAP PENCAPAIAN	PERINGKAT					
	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4